



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN ALUAN

**YBhg. Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP**

SEMPENA

“PENANG GOES ORANGE 2017”

8 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

9.00PAGI

DEWAN AUDITORIUM MPSP

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Puan Chong Eng

EXCO Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti

Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto

Ahli Parlimen Batu Kawan

Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Bt. Ariffin

Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MPSP

Yang Berbahagia Puan Ong Bee Leng

Ketua Pegawai Eksekutif PWDC

Yang Dihormati Prof Madya Dr. Intan Osman

Pensyarah Wawasan open University

Puan Noornizan Juhasu

Inspektor Siasatan Seksual PDRM

Cik Norhidayah Nadila

Pegawai Perhubungan Women's Centre For Change (WCC)

Ketua-Ketua Jabatan MPSP

Agensi-Agenzi Kerajaan dan Swasta

Rakan-Rakan Media

Semua hadirin sekalian

YB Tuan/Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini di dalam *Program Penang Goes Orange 2017*. Terima kasih kepada pihak

Penang Women Development Corporation (PWDC) kerana sudi bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menjayakan program-program yang memberi manfaat kepada semua khususnya golongan wanita, warga emas, kanak-kanak dan lelaki yang menjadi mangsa jenayah seksual. Selamat datang kepada semua ke MPSP.

Saya difahamkan bahawa tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi kesedaran kepada semua masyarakat dengan keganasan seksual yang banyak berlaku terhadap golongan wanita, kanak-kanak, warga emas dan tidak terkecuali golongan lelaki serta bagaimana isu ini dapat dikurangkan. Isu ini begitu hangat diperkatakan di kaca-kaca televisyen serta suratkhabar dan adakalanya mengakibatkan kehilangan nyawa. Jenayah seksual yang seringkali kita dengar antaranya kes rogoj melibatkan semua golongan, sumbang mahram, mencabul kehormatan, kes seksual luar tabii , mengeksplotasi kanak-kanak untuk

tujuan seks, pemerdagangan manusia untuk tujuan seks dan sebagainya adalah jenayah seksual yang semakin menular sekarang ini.

Masyarakat zaman ini semakin terdedah dengan perihal jenayah seksual yang menular sekarang ini samada di sekolah, di tempat kerja, di universiti, di rumah atau dimana-mana sahaja dan jenayah ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Kita sebagai masyarakat yang prihatin, perlulah sentiasa berwaspada dan berhati-hati. Jangan cuba mewujudkan peluang untuk menjadi penjenayah seksual atau berada dalam keadaan menjadi mangsa seksual. Setiap daripada kita perlu menjaga diri kita, keluarga kita, kakitangan kita dan sesiapa yang berada di sekeliling kita untuk bersama-sama mencegah perkara yang tidak bermoral ini.

Punca-punca berlakunya perkara seperti ini kadang-kadang tanpa kita sedari yang ianya berpunca daripada rumah. Sebagai ibu bapa, kita perlu sentiasa memantau tingkah laku setiap orang yang berada di dalam rumah kita. Perkembangan sains dan teknologi menyebabkan video lucah mudah diperolehi dan dapat menjelaskan minda sesiapa sahaja tidak kira dewasa atau remaja. Ibu bapa pula sibuk bekerja sehingga mengabaikan anak-anak dan anak-anak menjadi liar. Kurangnya pendedahan moral, kasih sayang dan pengawasan ibu bapa antara punca berlakunya kes-kes jenayah seksual ini. Begitu juga di

tempat kerja. Apabila sesetengah daripada kita yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang di rumah dan sentiasa terlibat dengan kegiatan tidak bermoral, dengan mudah perkara tidak diingini akan berlaku di pejabat dan di mana-mana sahaja.

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (*maklumat daripada Sinar Online*) pada 2010 hingga Mei 2017, mengikut kategori, menunjukkan kes rogol mencatat bilangan tertinggi iaitu 13,272 kes, sumbang mahram 1,796 kes , luar tabii 1,152 kes dan mencabul 6,014 kes.

Kes jenayah seksual yang paling kejam didengari ialah Jenayah Seksual terhadap kanak-kanak dan bayi. Menurut Jabatan kebajikan Masyarakat (*maklumat daripada Bernama*) menunjukkan 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan daripada 2010 hingga 2015 dengan purata 963 kes setahun.

Kini telah ada Mahkhamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak yang dapat memberi pembelaan terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual. Saya berharap agar hukuman yang paling berat akan dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah sebegini.

Anak-anak samada remaja atau kanak-kanak perlu didedahkan dengan ciri-ciri orang yang perlu diberi perhatian dan waspada. Ibu bapa

atau majikan perlu sentiasa memberi perhatian terhadap perubahan tingkah laku anak-anak atau kakitangan sekiranya mereka mengalami gangguan seksual. Kita dapat lihat sekiranya mereka sebelum ini adalah golongan yang ceria berubah menjadi murung dan pendiam, sering dalam ketakutan, terdapat kesan lebam di badan atau wajah dan seringkali menangis tanpa sebab.

Tiada sesiapa pun yang dapat melindungi kita melainkan Allah SWT. Saya bukanlah pakar dalam bidang ini, namun sebagai seorang ibu, saya merasakan perkara yang perlu dititik beratkan ialah:

1. Pendidikan agama dan moral kepada anak-anak. Dengan agama, manusia akan berasa takut untuk melakukan kejahanatan dan maksiat.
2. Bersikap terbuka kepada anak-anak dan sentiasa berkongsi masalah.
3. Mendidik anak-anak supaya tidak mudah mengikut pelawaan orang yang tidak dikenali dan memberi pendedahan mengenai jenayah seksual.
4. Mempunyai pengetahuan teknologi digital dan internet supaya kita dapat membuat pemantauan. Menghadkan dan memantau masa penggunaan internet.
5. Mengenali siapa kawan atau sahabat anak-anak kita dan mengenali siapa yang menjaga anak-anak kita.

6. Sentiasa mengingatkan anak-anak berwaspada terhadap makanan atau minuman yang diberi oleh orang yang baru dikenali kerana bimbang mengandungi ubat pelali, dadah dan perangsang nafsu.
7. Banyak memberikan anak-anak buku-buku ilmiah untuk pembacaan.
8. Saya juga suka mencadangkan agar anak-anak terlibat dengan seni mempertahankan diri. Sekurang-kurangnya seni ini dapat membantu mempertahankan diri mereka daripada ancaman kerana ancaman tidak mengenal siapa pun diri kita.
9. Yang terakhir dan yang paling penting sekiranya anak-anak atau diri kita sendiri berada dalam keadaan kecemasan, gunakanlah senjata yang ada pada diri kita iaitu suara. Menjeritlah meminta tolong supaya dapat menakutkan penjenayah seksual ini dan dapat mempertahankan diri kita.

Akhir kata, MPSP sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PWDC kerana menganjurkan program ini. Saya berharap agar kita semua akan dapat mempelajari dan memanfaatkan pengisian program yang disediakan kerana bukan hanya secara praktikal bahkan kita juga akan didedahkan dengan bagaimana cara untuk mempertahankan diri oleh pihak PDRM malah bersama barisan ahli-ahli

panel yang hebat-hebat belaka yang terdiri daripada Puan Florence Sinniah sebagai moderator, Puan Noornizan Juhasu, Inspektor Siasatan Seksual PDRM, Profesor Madya Dr. Intan Osman, Pensyarah *Wawasan Open University* dan Cik Norhidayah Nadila, Pegawai Perhubungan *Women's Centre For Change (WCC)* . Ayuh sama-sama kita “**Hentikan Jenayah Seksual**”.

Sekian, terima kasih dan assalamualaikum.